

04/08/1997

Pelaksanaan hukum Islam tidak seragam

Yang Keliru

SAYA amat tertarik dengan isu yang mempertikaikan penyertaan wanita Muslim dalam pertandingan ratu cantik.

Saya berpendapat, ia bergantung kepada kesedaran individu. Jika seseorang beriman dengan sendiri ia tahu menilai baik dan buruk sesuatu perkara.

Saya bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pihak berkuasa hendaklah menggunakan kuasa sebaik-baiknya bukan untuk menunjukkan kuasa yang ada.

Mengapa pihak berkuasa tidak melarang gadis Muslim menyertai pertandingan sejak awal lagi. Mengapa gadis terbabit ditangkap selepas dia dimahkotakan sebagai ratu.

Pihak penganjur sendiri malah orang ramai pun tidak tahu ada akta yang menyatakan orang Muslim dilarang menyertai pertandingan ratu cantik.

Masyarakat juga mudah melatah. Jika sudah mula dengan satu isu, ia berlanjutan seperti tiada cerita lain yang lebih baik hendak diperkatakan.

Jika kita tidak berhenti mempertikaikan kes seperti itu, kaum lain akan mentertawakan kita kerana banyak perkara lain boleh dibincangkan.

Perkara yang pasti, punca umat Islam terjebak ke dalam maksiat dan rasuah kerana ajaran Islam tidak disampaikan mengikut kehendak agama.

Dalam kes ratu cantik, Selangor bersetuju terhadap akta melarang wanita Islam menyertai pertandingan itu.

Namun seseorang bebas menyertai pertandingan ratu cantik di Kuala Lumpur kerana ia tidak terikat dengan akta berkenaan.

Persoalannya, mengapa kita tidak selaraskan akta itu ke seluruh negara. Apakah negara kita tidak bersatu pendapat.

Kadangkala saya rasa peraturan baru yang dibuat bagai melepas batuk ditangga tanpa memikirkan perkara itu semasak-masaknya.

Contohnya cadangan tidak boleh duduk berdua-duaan antara lelaki dan wanita, tidak boleh berpakaian menjolok mata di tempat awam dan beberapa peraturan lain yang saya rasa 'over acting'.

Kita seolah-olah memaksa masyarakat menerima peraturan itu menyebabkan semakin ramai yang membuat perkara yang dilarang.

Contohnya, di Kelantan tiada pusat hiburan tetapi pemuda pemudi mereka pergi ke sempadan untuk berhibur.

Kita adalah negara Islam yang mempunyai palbagai bangsa. Jika begini caranya, bagaimana kita boleh menunjukkan contoh baik kepada orang luar sehingga mereka berasakan Islam amat susah sedangkan ia mudah.

Apakah mungkin negara kita dipenuhi peraturan Taliban yang mengongkong masyarakat walhal negara ini mengamalkan demokrasi.

Melaksanakan hukuman agama Islam yang baik adalah tanggungjawab bersama.

Walaupun ibu bapa kuat didikan agamanya dan memberi penekanan terhadap agama kepada anaknya, kadangkala perangai anaknya tidaklah 100 peratus baik. Di mana silapnya?

Bukan dengan penyertaan ratu cantik saja merosakkan akidah kita tetapi banyak perkara lain yang boleh menjejaskan akidah.

Janganlah kita salahkan artis tidak menunjukkan teladan baik sedangkan masih ramai ramaja membaca majalah yang menerbit kisah artis? Malah majalah artis lebih banyak daripada majalah ilmiah.

Bagaimana pula dengan pertandingan ratu kebaya, pakaian tradisional dan pertandingan mengandam yang sudah tentu pesertanya tidak menutup aurat.

Bagaimana dengan iklan yang menonjolkan wanita yang tidak memperlihatkan

ciri-ciri keislaman dan siapa harus disalahkan dalam hal ini?

Apakah nanti ada akta yang melarang wanita menjadi model iklan?

Dalam Islam tidak ada budaya seni tetapi kita marah jika adat Melayu diketepikan dan tidak menghargai seni Melayu seperti tarian yang memang menyimpang daripada ajaran Islam.

Itu belum termasuk bapa tua yang berjoget di kelab dangdut. Apakah suatu hari nanti bapa tua dilarang pergi ke kelab dangdut seperti akta yang melarang wanita Islam menyertai pertandingan ratu cantik?